

# Menerap semula budaya

B.H 6/1/07 M/S 11

## Pelaksanaan modul kemahiran insaniah man

Oleh Prof Dr Zaini Ujang

**D**ARI segi sejarah, universiti adalah pusat penimbaan dan percambahan ilmu, tetapi satu perkembangan paling ketara dalam dunia ilmiah kebelakangan ini ialah peralihan peranan universiti, termasuk di kebanyakan negara maju, yang sudah menjurus kepada proses pengijazahan dan penyelidikan kontrak.

Namun, disebabkan kebanyakan universiti dibiayai menerusi dana awam dan pensyarah dibayar gaji (sebelum abad ke-20 profesor berkhidmat secara sukarela disebabkan idealisme ilmu), maka tuntutan untuk mencapai objektif pembangunan sumber manusia bagi sesebuah negara banyak dibebankan kepada universiti.

Dari segi peranan, universiti harus melahirkan graduan yang boleh diterima seadanya dari segi pengetahuan serta kemahiran oleh pasaran kerja, sekali gus mencipta peluang pekerjaan baru.

Selain itu, universiti juga dipertanggungjawab memajukan teknologi dan inovasi yang dibangunkan dengan kerjasama pelbagai pihak, termasuk pihak industri dan pelabur dana teroka.

Universiti juga nampaknya, seperti pengamatan Datuk Prof Khoo Kay Kim, semakin tersudut dalam konteks pembinaan minda kelas pertama dan pembudayaan ilmu. Ia disebabkan ketika ini tumpuan hampir semua universiti, termasuk universiti awam di Malaysia, ialah penyediaan program akademik yang relevan dengan pasaran kerja.

Tumpuan itu menjadi teras kepada kegiatan rutin di kalangan staf akademik sehingga dalam banyak keadaan tidak lagi menampakkan staf akademik sebagai komuniti intelektual seperti difahami dalam pengertian konvensional.

Mungkin tidak salah jika ada pihak berpendapat bahawa kemantapan intelektual dan kesegaran idealisme terhadap akademia bukan lagi prasyarat untuk menjadi staf aka-

INTI PATI

### Peralihan peranan universiti

- Dari segi sejarah, universiti adalah pusat penimbaan dan percambahan ilmu, tetapi satu perkembangan paling ketara dalam dunia ilmiah kebelakangan ini ialah peralihan peranan universiti kepada proses pengijazahan dan penyelidikan kontrak.
- Dari segi peranan, universiti harus melahirkan graduan boleh diterima dari segi pengetahuan serta kemahiran oleh pasaran kerja.
- Pelajar bukan saja kurang terdedah kepada budaya intelektual dalam pengertian setulusnya malah kurang dimotivasi menghormati dan menghargai nilai dan sumbur ilmu.

demik. Lebih diutamakan adalah kelayakan dan jenama akademik, pengalaman penyelidikan, kecekapan mengurus, kebijaksanaan mengelola serta sikap positif terhadap kerjaya.

Aspek lain yang ada kaitan dengan minda kelas pertama dan pembudayaan ilmu seperti keterampilan berwacana, keperibadian unggul dan idealisme nampaknya tidak lagi menjadi aliran dan aset penting. Malah, personaliti seperti itu semakin tidak menyerlah di kampus.

Dengan pengijazahan sebagai fokus universiti maka hampir semua program kampus berorientasi dan dinilai secara akademik, termasuk berpersatuan, bermasyarakat dan bersukan. Dalam keadaan sedemikian, nilai kesukarelaan dan komit-



**PERLENGKAP DIRI:** Dalam melahirkan gra diambil perhatian segera.

men sosial yang menjadi satu asas penting pembangunan minda kelas pertama menjadi semakin tidak relevan. Begitu juga dengan kesediaan dan konteks menggarap ilmu dalam bidang tidak berkaitan dengan program pengijazahan menjadi semakin pudar.

Sebagai contoh, penguasaan bahasa dalam konteks budaya, kesusasteraan dan penulisan menjadi semakin tidak relevan di kalangan staf akademik dan pelajar dalam bidang kejuruteraan, perubatan, sains gunaan atau perakaunan.

Hal ini sebenarnya memberi kesan ketara terhadap idealisme, citra dan kefahaman mereka terhadap perjuangan mendaulatkan bahasa dan budaya Melayu. Apakah mereka boleh diharapkan untuk turut serta men-

# aya ilmu di universiti

## mampu segarakan proses pembelajaran di IPT



GAMBAR HIASAN

graduan IPT yang berbudaya ilmu dan minda kelas pertama pelbagai faktor perlu

dokong idealisme bahasa dan budaya Melayu?

Banyak perkembangan yang berlaku sejak kebelakangan ini begitu dirasakan khususnya oleh pensyarah dan pentadbir yang sudah lama berkhidmat di universiti. Skop tugas mereka yang dulunya lebih kepada pembangunan daya fikir dan perkembangan intelektualisme sudah menjurus kepada penyediaan dan perlaksanaan modul pengajaran, penyelidikan kontrak dan pengakreditasi-an.

Jika dulu ketokohan akademik itu dinilai daripada sumbangan dalam konteks pembudayaan ilmu yang membabitkan ketokohan berwacana, penerbitan bermutu, penerimaan umum terhadap sumbangan idea dan fikiran dan aktivisme akademik,

tetapi kini lebih kepada aspek bersifat teknikal dalam bidang yang sangat khusus. Maka tidak hairanlah ramai bergelar tokoh dalam komuniti akademik tidak dikenali umum.

Inilah keadaan yang melatari kampus dan kehidupan pelajar universiti ketika ini. Mereka bukan saja kurang terdedah kepada budaya intelektual dalam pengertian setulusnya bahkan kurang dimotivasi untuk menghormati dan menghargai nilai dan sumur ilmu. Siapakah idola di kalangan ilmuan yang mereka teladani? Apakah bahan bacaan mempengaruhi corak pemikiran mereka, jika ada apakah idealisme ilmu yang mereka dukung?

Dalam aspek fokus dan komitmen kebanyakan pelajar ialah kelulusan akademik – bukannya pembudayaan

ilmu dan pembangunan minda kelas pertama – maka kelemahan ketara dari segi kemahiran insaniah. Pelajar dan graduan termasuk daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dikatakan tidak begitu cekap dalam berkomunikasi, berfikir-kira kritis, bekerja secara berpasukan, pembelajaran berterusan, semangat keusahawanan. Malah, ada juga yang meragui keupayaan mereka dari segi etika dan kepimpinan.

Sehubungan itu, inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi menggubal dan melaksanakan modul kemahiran insaniah untuk IPT tepat pada masanya. Dalam keadaan aspek bukan akademik tidak begitu diberi tumpuan, maka modul berkenaan dijangka memberi dimensi baru yang menyegarkan lagi budaya ilmu dan proses pembelajaran di IPT.

Dari segi pelaksanaan, modul itu akan diterapkan dalam proses pembelajaran formal dan tidak formal. Selain itu, peranan unit hal ehwal pelajar di IPT juga dijangka lebih meriah dan dinamik dengan penekanan lebih mantap kepada aspek kepimpinan dan keusahawanan.

Namun, keberkesanan inisiatif itu banyak bergantung kepada budaya dan persekitaran kampus. Jika latar belakangnya dinamik, proaktif dan didukung staf akademik yang mempunyai idealisme ilmu mantap, maka modul berkenaan mampu melahirkan graduan IPT yang berbudaya ilmu dan minda kelas pertama.

Jika sebaliknya, maka kita akan menghadapi keadaan bercambahnya 'penyakit ijazah' (diploma disease) di kalangan graduan yang hanya mementingkan kelayakan kertas, bukan kelayakan hakiki dari segi keinsanan.

Penulis ialah profesor kejuruteraan alam sekitar dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli di Universiti Teknologi Malaysia.  
Laman web:  
<http://www.fkkksa.utm.my>